

# Jawatankuasa Tetap Kampuchea Malaysia, Thailand dua calon utama PBB

**NEW YORK, Khamis** — Malaysia dan Thailand dinamakan sebagai dua calon utama untuk berkhidmat dalam Jawatankuasa Tetap yang akan ditubuhkan oleh Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Kampuchea yang sedang berlangsung di sini sejak Isnin lalu.

Penubuhan Jawatankuasa Tetap mengenai Kampuchea itu adalah antara sebahagian dari cadangan dari kelima negara Asean yang bertindak sebagai penganjur utama persidangan tersebut.

Menurut satu deraf keputusan yang sedang dikaji oleh sebuah kumpulan

kerja, jawatankuasa itu mempunyai fungsi berikut:

Membantu persidangan mencari penyelesaian politik yang menyeluruh dan berkesan, mengadakan perundingan dengan Setiausaha Agung antara sesi-sesi persidangan, mewujudkan dan mengekalkan hubungan dengan pihak-pihak yang terlibat dalam konflik, menjalankan tugas-tugas berhubung dengan matlamat mencapai penyelesaian secara damai dan menasihatkan Presiden persidangan mengenai bila untuk menyambung sidang.

Menteri Luar Malaysia, Tengku Ahmad Rithauddeen, memberitahu semalam, penubuhan jawatankuasa tersebut tidak menjejaskan hubungan dua hala yang wujud sekarang antara negara-negara Asean dengan Vietnam dan Laos.

Tujuh puluh lapan buah negara sedang menghadiri persidangan itu, dengan lima lagi ahli dan bukan ahli menghadrinya sebagai pemerhati. Vietnam, salah sebuah pihak yang terlibat dalam pergolakan Kampuchea, dan Soviet Russia, penyokong Vietnam, bagaimanapun, tidak menghadrinya.

Sementara itu, satu deraf deklarasi mengandungi semua pendapat peserta-peserta persidangan sedang dikaji oleh kumpulan kerja tersebut untuk diserahkan kepada persidangan bagi untuk diterima.

## Kepercayaan

Deraf tersebut mengandungi curahan kepercayaan bahawa kedaulatan, kebebasan dan keutuhan wilayah semua negara tidak boleh dicerobohi, dan hak semua rakyat untuk menentukan masa depan mereka bebas dari "campurtangan asing, pencerobohan dan paksaan".

ia menyuarakan kebimbangan negara-negara peserta bahawa keadaan di Kampuchea berbangkit disebabkan pencerobohan prinsipal-prinsipal tersebut.

Lain perkara yang disentuh oleh deraf deklarasi tersebut ialah mengenai akibat buruk yang berbangkit dari keadaan di Kampuchea, masalah orang pelarian dan perlunya satu penyelesaian politik di Kampuchea yang "terlalu penting bagi penubuhan zon aman, bebas dan berkecuali di Asia Tenggara.

Untuk mencari penyelesaian di Kampuchea, deraf tersebut menawarkan beberapa rumusan Bangsa-bangsa Bersatu.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia